

D.R. 16/99

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1999 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun ini.

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (1999) 1999.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 1999

2. Maka dengan ini dibenarkan pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi lima ratus lima puluh enam juta tujuh ratus lima puluh dua ribu tiga ratus ringgit (RM556,752-,300) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan dan maksud yang dinyatakan dalam Jadual bagi perkhidmatan tahun 1999 yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 1999 [*Akta A1044*] dan Akta Perbekalan Tambahan (1998 dan 1999) 1999 [*Akta A1047*].

JADUAL

<i>Maksud</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Amaan (RM)</i>
B. 4	Suruhanjaya Pilihanraya	3,000,000
B. 7	Jabatan Perdana Menteri	10,000,000

Rang Undang-Undang

<i>Maksud</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Amaun (RM)</i>
B. 8	Jabatan Perkhidmatan Awam	30,017,800
B. 17	Kementerian Belia dan Sukan	326,700
B. 18	Kementerian Perusahaan Utama	80,000,000
B. 19	Kementerian Pertanian	26,500,000
B. 21	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna	7,000,000
B. 25	Kementerian Pertahanan	49,302,500
B. 26	Kementerian Pendidikan	43,000,000
B. 29	Perkhidmatan Am Perbendaharaan	150,000,000
B. 36	Polis Diraja Malaysia	6,451,600
B. 47	Kementerian Pengangkutan	1,273,600
B. 48	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	19,800,000
B. 50	Kementerian Pembangunan Usahawan	70,000,000
B. 52	Kementerian Kerja Raya	60,080,100
	JUMLAH	556,752,300

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan mengadakan peruntukan untuk mengeluarkan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan sebanyak lima ratus lima puluh enam juta tujuh ratus lima puluh dua ribu tiga ratus ringgit (RM556,752,300) untuk perkhidmatan dan maksud yang dinyatakan dalam Jadual bagi tahun 1999.

[PN(U)2148]